

20 APR 1998

PERDANA MENTERI M'SIA & THAI AKAN SAKSI PEMETERAIAN PERJANJIAN JUALAN GAS

PULAU PINANG, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawat Thainya Chuan Lekpai, akan menyaksikan penanda tangan dua perjanjian di Songkhla, Thailand Rabu ini berhubung dengan pembelian gas asli dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA).

Upacara itu dijangka diadakan di Prem Tinsulanond Park, kata timbalan ketua pegawai eksekutif Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) Dr Songpope Polachan.

Kedua-dua perjanjian itu adalah antara pembeli-pembeli gas asli, Petronas Malaysia dan Petroleum Authority of Thailand, dan penjual-penjual, terdiri daripada MTJA dan kontraktor-kontraktornya.

Perjanjian pertama adalah untuk pembelian 390 juta kaki padu gas asli sehari daripada Blok B-18 selama 20 tahun. Gas daripada kawasan itu dijangka dihasilam dalam separuh pertama tahun 2001.

Perjanjian kedua adalah untuk pembelian 250 juta kaki padu gas asli sehari selama 16 tahun daripada Blok B-17 dan C-19, yang mengeluarkan hasil mulai suku ketiga tahun 2002.

Kontraktor-kontraktor bagi Blok B-18 ialah Triton Oil Company dari Amerika Syarikat dan Petronas Carigali, cawangan cari gali Petronas, sementara PTT Exploration and Production, anak syarikat Petroleum Authority of Thailand (PTT), adalah kontraktor bagi Blok B-17 dan C-19.

JDA itu meliputi satu kawasan seluas 7,250 meter persegi di Teluk Siam bawah. MTJA adalah badan berkanun yang diberi hak istimewa, kuasa-kuasa, kebebasan dan keistimewaan mencari gali sumber-sumber petroleum di dalam JDA di bawah Akta Bersama Malaysia-Thailand. Dr Mahathir dijangka mengadakan mesyuarat dua hala dengan Chuan dan menghadiri makan malam yang diberi oleh Chuan di Haadyai sebelum pulang ke Kuala Lumpur. -- BERNAMA

AHM SHY OS